

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]  
**TARIKH** : 13 Oktober 2014 (Isnin)  
**SOALAN** : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan butir-butir beras yang diimport dari Thailand oleh BERNAS dari Januari hingga Disember tahun 2013 dan Januari hingga September 2014, khususnya, apa kuantiti dan pada apa harga telah beras dibeli.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Beras adalah makanan asasi penduduk Malaysia. Pengimportan beras oleh BERNAS adalah berdasarkan kepada permintaan dan keperluan pelbagai lapisan penduduk sama ada warganegara atau bukan warganegara.

BERNAS mengimport bukan sahaja daripada Negara Thailand tetapi dari negara-negara pengeksport beras lain tertakluk kepada spesifikasi yang ditetapkan. Harga dan terma pembelian adalah berbeza antara

satu negara pengimport dengan negara pengimport yang lain bergantung kepada harga pasaran semasa.

Jenis beras yang diimport dari Thailand adalah beras putih, beras perang, beras wangi, beras pulut, beras organik dan beras istimewa. Harga belian dipengaruhi oleh jenis dan gred beras yang diimport. Kuantiti dan harga beras yang diimport oleh BERNAS dari Thailand bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Tempoh/Tahun	Kuantiti (TM)	* Purata Harga Belian RM/TM
Jan - Dis 2013	145,817	2,186 <sup>(1)</sup>
Jan - Ogos 2014	238,066	1,590 <sup>(2)</sup>

- (1) Harga beras tinggi disebabkan oleh 'Paddy Pledging Scheme' yang diperkenalkan oleh Kerajaan Thai di bawah pimpinan Perdana Menteri Yingluck Shinawatra pada tahun 2013.
- (2) Harga rendah disebabkan oleh lelongan beras oleh Kerajaan Thai.